

UMS anjur Minggu Pelaburan 2014

U'M 5·11·2014 26

KOTA KINABALU 4 Nov. -

Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan menganjurkan program Minggu Pelaburan 2014 bertujuan membentuk kelompok mahasiswa yang bijak dalam perancangan serta pengurusan kewangan.

Timbalan Pengarah Publisiti program, Siti Jamilah Atiqah Yaser berkata, minggu pelaburan itu diadakan bermula hari ini hingga 6 November dan digerakkan oleh penuntut-penuntut di bawah Kelab Pengurusan Kewangan dan Perbankan fakulti tersebut.

Menurutnya, sasaran program itu ialah kepada para penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) serta pelajar sekolah di sekitar negeri ini.

"Program ini dirasmikan Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Prof. Madya Dr. Rasid Mail dengan objektif utama untuk menyalurkan maklumat berkaitan kewangan agar mahasiswa bijak menguruskan kewangan.

"Bagi menjayakan Minggu Pelaburan 2014, pelbagai aktiviti dirangka antaranya *Investment Games Challenge* yang bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan asas tentang pengurusan pelaburan khususnya pemilihan dan urus niaga saham serta membina portfolio pelaburan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.